



KENYATAAN MEDIA
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

BAYARAN BANTUAN BULANAN JABATAN KEBAJIKAN
MASYARAKAT BAGI BULAN APRIL DIMASUKKAN ESOK

Seramai 500 ribu penerima Bantuan Bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan menerima wang bantuan mulai esok 25 Mac 2020 (Rabu). Bantuan yang melibatkan kos sebanyak RM150 juta ini dimasukkan ke akaun penerima 15 hari lebih awal.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat mengharapkan agar semua penerima bantuan yang ingin keluar ke bank untuk sentiasa berhati-hati dan mematuhi arahan-arahan semasa yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan bagi tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Amalkan *social distancing* dan elakkan berada di kawasan bank yang sesak. Keselamatan dan kesejahteraan penerima bantuan JKM merupakan keutamaan KPWKM.

DATUK SERI RINA MOHD HARUN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
PUTRAJAYA
24 MAC 2020